



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS PERHIMPUNAN BERTADARUS AL-QUR'AN BELIA SENEGARA 1432H / 2011M

***BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Ogos.*** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Qur'an Belia Senegara kelolaan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serentak di keempat-empat daerah hari ini.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Qur'an Belia Senegara telah diadakan di dua tempat iaitu Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah bagi belia-belia lelaki dan Masjid Omar Ali Saifuddien bagi belia-belia perempuan. Di Daerah Belait pula, majlis perhimpunan telah diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Manakala di Daerah Tutong, majlis perhimpunan telah diadakan di Masjid Mukim Kiudang dan di Daerah Temburong, majlis perhimpunan diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Berangkat ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerma Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka

Haji Othman; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar serta ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur.

Sementara berangkat ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman serta isteri menteri-menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pendidikan, Hal Ehwal Ugama dan Hal Ehwal Dalam Negeri serta ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur.

Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Qur'an Belia Senegara 1432H / 2011M di-Daerah Belait ialah Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Timbalan Menteri Pendidikan, bagi Daerah Tutong Yang Mulia Tuan Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Awang Haji Yusof, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan bagi Daerah Temburong ialah Yang Mulia Tuan Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Awang Haji Hashim, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Qur'an Belia Senegara ini merupakan kali kedua diadakan bersempena dengan sambutan bulan Ramadhan yang mubarak. Di Daerah Brunei dan Muara, ianya melibatkan seramai 4000 orang penyertaan belia lelaki dan 3000 orang penyertaan belia perempuan dalam majlis berkenaan. Sementara di Daerah Belait melibatkan seramai 750 penyertaan belia lelaki dan perempuan. Manakala di Daerah Tutong seramai 650 orang belia lelaki dan perempuan dan di Daerah Temburong melibatkan seramai 500 penyertaan belia lelaki dan perempuan. Belia-belia yang terlibat merupakan belia-belia daripada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, Maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah, persatuan-persatuan belia dan sukan, persatuan-persatuan beruniform, dan belia-belia secara amnya.

Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Qur'an Belia Senegara 1432H / 2011M di kedua-dua masjid bermula dengan bacaan Tadarus Al-Qur'an secara Halaqah diikuti dengan penyampaian ceramah keagamaan / motivasi yang bertajuk **Belia Berjiwa Al-Qur'an**. Di Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah ceramah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Jupri bin Haji Hidup, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama manakala di Masjid

Omar 'Ali Saifuddin pula ceramah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Noor binti Haji Mohadi, Pakarujuk Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ceramah keugamaan /motivasi dengan tajuk yang sama juga diadakan di daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong yang masing-masing disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama. Bagi Daerah Belait, ceramah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Zulkifli bin Haji Zakaria, manakala di Daerah Tutong Yang Mulia Ustaz Haji Hisham bin Ismail dan di Daerah Temburong, ceramah disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Ali Hassan bin Haji Mohd Said. Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Qur'an Belia Senegara 1432H / 2011M di kesemua daerah berakhir dengan sembahyang fardhu Zohor berjemaah dan Bacaan Doa.

Tujuan Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Qur'an Belia Senegara 1432H / 2011M ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan mengenai amalan membaca Al-Qur'an terutama dalam bulan Ramadhan yang penuh keberkatan. Majlis Perhimpunan ini juga bertujuan untuk mengeratkan ukhwah dan silaturrahim antara belia-belia dengan menanamkan sikap gemar menghadiri majlis-majlis ilmu dan kegamaan demi meningkatkan pengetahuan mereka. Adalah juga diharapkan, dengan penganjuran Majlis seperti ini, ianya akan juga mengukuhkan persefahaman dan kerjasama yang erat di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta untuk menyemarakkan lagi penghormatan bulan Ramadan yang mubarak ini dengan pengisian-pengisian aktibiti keugamaan yang penuh bermanfaat.

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Belia dan Sukan**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

Tarikh: 12 Ramadhan 1432H / 13 Ogos 2011M